

24/09/1997

Dr Mahathir lawat Amerika Selatan

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan rasmi ke negara Amerika Latin dan Kepulauan Caribbean selama 11 hari mulai Khamis ini.

Wisma Putra dalam satu kenyataan, hari ini menyebut, Perdana Menteri akan melawat Cuba, Chile, Uruguay dan Argentina sehingga 5 Oktober ini.

Turut serta beberapa menteri Kabinet, timbalan menteri, ahli Parlimen, menteri besar, pegawai kanan kerajaan dan ahli perniagaan.

Lawatan ke Cuba adalah lawatan pertama Perdana Menteri ke negara itu untuk memenuhi undangan Presiden Fidel Castro, manakala lawatan ke Chile adalah yang kedua selepas 1991.

Dr Mahathir dijangka memberi ucap tama pada Perhimpunan Ke-21 Majlis Kerjasama Ekonomi Pasifik (PECC) di Santiago, Chile.

Lawatan rasmi ke Uruguay iaitu lawatan pertamanya ke negara itu pula dibuat atas undangan Presiden Sanguinetti.

Sementara lawatan ke Argentina pula atas undangan Presiden Carlos Saul Menem selain merasmikan Majlis Perniagaan Asean Mercosur.

Lawatan itu bertujuan merapatkan hubungan Malaysia dengan negara yang bakal dilawati, kata kenyataan itu.

Perkara yang dijangka dibincangkan meliputi hubungan dua hala dan usaha meningkatkan hubungan ekonomi serta perdagangan Malaysia dengan negara berkenaan.

Selain itu, isu serantau dan antarabangsa turut dibincangkan oleh Perdana Menteri dengan pemimpin negara berkenaan.

(END)